



## SIARAN AKHBAR BERSAMA

### HARI CELIK KEWANGAN KEBANGSAAN (NFLD) JERAYAWARA KESEDARAN KEWANGAN 2025 BAGI PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

**Dewan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI)  
Selesa, 2 Rabiulawal 1447H bersamaan dengan 26 Ogos 2025M**

1. Majlis Pelancaran Jerayawara Kesedaran Kewangan bersempena Hari Celik Kewangan Kebangsaan [NFLD] 2025 telah diadakan hari ini di Dewan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri [STPRI], menandakan permulaan acara selama dua hari yang dianjurkan bersama oleh Brunei Darussalam Central Bank [BDCB] dan Kementerian Pendidikan. Bertemakan "Bijak Wang, Selamat Secara Digital", jerayawara ini bertujuan untuk membekalkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran kewangan yang praktikal melalui pengalaman pembelajaran berasaskan aktiviti yang interaktif. Jerayawara ini menyasarkan pelajar Tahun 7, 8, 9, 10 dan 12 dari keempat-empat daerah, dengan fokus kepada pelajar dari kawasan pedalaman dan kurang mendapat akses rangkuman kewangan.
2. Jerayawara tersebut telah dihadiri oleh Yang Mulia Hajah Rashidah binti Haji Sabtu, Pengarah Urusan BDCB selaku tetamu kehormat. Turut hadir termasuk Yang Mulia Awang Mohammad Harris Bin Brigadier Jeneral [Rtd] Dato Paduka Haji Ibrahim, Timbalan Setiausaha Tetap [Perdagangan dan Industri], Kementerian Kewangan dan Ekonomi selaku urusetia bagi Majlis Celik Kewangan Kebangsaan [MKCK], serta ahli-ahli MKCK, pegawai kanan kerajaan dan wakil-wakil daripada agensi-agensi rakan kongsi.
3. Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Hajah Rashidah binti Haji Sabtu, Pengarah Urusan BDCB, yang menekankan kepentingan memperkasa golongan belia dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menjadi celik kewangan dan selamat secara digital. Inisiatif ini mencerminkan komitmen BDCB dalam memupuk generasi yang celik kewangan dan berdaya tahan digital dengan membekalkan pelajar dengan pengetahuan praktikal untuk mengurus kewangan dengan bijak serta melindungi diri dalam landskap kewangan digital yang semakin berkembang.
4. Majlis juga menyaksikan pelancaran Usinwise, jenama rasmi bagi kempen celik kewangan kebangsaan. Usinwise melambangkan visi kebangsaan yang dikongsi bersama untuk membina masyarakat yang celik kewangan dan berdaya tahan, dengan menghubungkan rakyat Brunei kepada pendidikan kewangan yang dipercayai dan mudah diakses. Melalui inisiatif ini, orang ramai akan diperkasakan dengan alat dan pengetahuan untuk meningkatkan kesedaran mereka dalam penjimatan, perancangan belanjawan, pelaburan, perancangan persaraan dan keselamatan digital, sekali gus memperkuuh celik kewangan dan kesejahteraan kewangan negara.
5. Acara diikuti dengan lawatan ke pameran-pameran yang menyertai jerayawara. Jerayawara tahun ini menampilkan Financial Maze, iaitu pengalaman imersif di mana para pelajar akan melalui beberapa pameran yang dibahagikan kepada sektor-sektor bertema. Setiap sektor menawarkan aktiviti yang bertujuan untuk membina pengetahuan dan tabiat kewangan melalui kaedah yang menyeronokkan dan mudah diakses. Antara pihak pemamer termasuk BDCB, Pasukan Polis Diraja Brunei, Tabung Amanah Pekerja [TAP], Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei

(BEDB), Cyber Security Brunei, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Baiduri Bank, Standard Chartered Bank, Bank Usahawan, Insurans Islam TAIB, Syarikat Takaful Brunei Darussalam, AIA Brunei, BIBD Securities, Standard Chartered Securities, National Digital Payment Network (ndpx), dan Datastream Digital (DST). Aktiviti-aktiviti tersebut merangkumi topik-topik seperti perlindungan pengguna kewangan, keselamatan digital, perbankan, perancangan persaraan, takaful, pelaburan dan keusahawanan.

6. Pelajar-pelajar dan guru-guru yang telah disenarai pendek dalam pertandingan FIN-novators, iaitu cabaran inovasi di bawah NFLD 2025 yang dilancarkan pada Julai lalu, juga turut mengetengahkan pameran mereka di Financial Maze. Pameran mereka menampilkan permainan interaktif yang direka untuk mempromosikan celik kewangan secara kreatif. Kehadiran mereka dalam maze ini memberi peluang kepada para pengunjung untuk mencuba sendiri idea-idea tersebut serta merasai pendekatan inovatif dalam pendidikan kewangan.
7. Jerayawara Kesedaran Kewangan NFLD 2025 merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan BDCB untuk meningkatkan kesedaran mengenai peranan dan tanggungjawab BDCB, memupuk kemahiran pengurusan kewangan dan tingkah laku kewangan yang bertanggungjawab, memperkuuhkan celik kewangan digital dan perlindungan pengguna, menggalakkan penyertaan yang lebih meluas dengan jangkauan meliputi pelajar dari semua daerah, serta memastikan ilmu kewangan yang diperoleh dapat digunakan dalam kehidupan sebenar.
8. Untuk maklumat lanjut mengenai NFLD 2025, sila layari [www.bdcb.gov.bn](http://www.bdcb.gov.bn) dan ikuti BDCB di Instagram @centralbank.brunei.

**Brunei Darussalam Central Bank**

Tarikh: 2 Rabiulawal 1447/ 26 Ogos 2025  
Rujukan: BDCB/COMMS/3